

CNS7692

U GB 02-11 00185 BA247

aab

Mahathir - Berkecuali

MAHATHIR TETAP BERKECUALI DALAM PEMILIHAN UMNO

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menegaskan bahawa beliau tetap berkecuali dalam pemilihan pelbagai jawatan dalam Umno pada perhimpunan agungnya yang bermula esok dan siapa jua yang menang tetap diterimanya.

"Saya tidak ada team dan siapa jua yang menang atau kalah pada pemilihan itu tetap saya terima....semua orang adalah dalam team saya," kata beliau pada persidangan akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin bahagian Umno dari seluruh negara di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun pemilihan parti penting kerana ia menentukan masa depan Umno dan negara, pemilihan pada kali ini tidak ada banyak perbezaan dengan pemilihan-pemilihan yang lepas.

Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno akan mengadakan perhimpunan dan pemilihannya esok manakala pemilihan pucuk pimpinan parti pada hari Khamis, serentak dengan perhimpunan agung yang akan berakhir pada 6 Nov.

Dr Mahathir berharap anggota parti tidak akan menyalah-tafsirkan pendiriannya apabila beliau memberikan apa jua nasihat menjelang pemilihan itu iaitu pada perjumpaan hari ini. -- Lagi.

▼02/11/18-58MST

^
R GB 02-11 00155 BA252-

aab

Mahathir - Berkecuali 2 Kuala Lumpur

"Ingin saya tegaskan bahawa segala nasihat yang saya berikan, walaupun mungkin disalah tafsirkan sebagai menyokong sesetengah calon, dibuat dengan ikhlas demi kepentingan parti dan negara," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata, beliau belum memikirkan soal membuat rombakan kabinet, khususnya herhubung perlantikan pengganti Encik Ghafar Baba yang meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini.

"Perlantikan anggota kabinet tidak ada kena-mengena dengan pemilihan jawatan Umno kali ini kerana ia adalah kuasa mutlak saya sebagai Perdana Menteri," katanya.

Secara bergurau, beliau berkata; "Inilah istimewanya bila jadi Perdana Menteri...saya boleh huat perlantikan (anggota kabinet) bila-bila masa saja yang saya rasa perlu."

Sambil merujuk sejarah perlantikannya sendiri sebagai Timbalan Perdana Menteri, yang dilakukan beberapa bulan selepas Allahyarham Tun Hussein Onn menamakan anggota kabinetnya dulu, Dr Mahathir berkata, tidak ada had masa tertentu bagi beliau menamakan Timbalan Perdana Menteri. -- Lagi.

▼02/11/19-17MST

CNS7764

R GB 02-11 00139 BH948

AAB

Mahathir - Berkecuali 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Bagaimanapun, beliau membayangkan, keputusan Ghafar tidak mempertahankan jawatannya sebagai Timbalan Presiden UMNO dan memberi laluan kepada Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim memenangnya tanpa bertanding, mungkin "memudahkan" beliau membuat pilihan bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Mengenai Ghafar sendiri, Dr Mahathir berkata, beliau belum lagi berkesempatan untuk menemui bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Katanya, jika ada kesempatan bertemu dengan Ghafar, isu perletakan jawatannya (Ghafar) tidak akan ditimbulkan lagi kerana berpandu kepada nasihat Peguam Negara, perletakan jawatan itu automatik.

Ketika menjawab satu pertanyaan, beliau berkata, belum ada tawaran untuk apa-apa jawatan dibuat kepada Ghafar.

Kepada satu lagi soalan mengenai kedudukannya sendiri sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata, beliau akan terus memberikan khidmatnya kepada negara selagi berupaya dan dikehendaki. -- Bernama.

AM KAM.

▼02/11/19-56MST